

12 JUN 1998

DR MAHATHIR LAWAT TERENGGANU HARI INI

KUALA TERENGGANU, 12 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mempunyai jadual yang ketat dalam lawatan singkatnya ke sini hari ini.

Dr Mahathir yang dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Telaga Batin pada pukul 9 pagi akan terus berlepas ke loji memproses air Jabatan Bekalan Air Negeri di Kepong, di sini bagi mendengar taklimat mengenai pengurusan bekalan air negeri.

Beliau kemudian akan mengadap Sultan Terengganu yang baru dimasyurkan bulan lepas, Sultan Mizan Zainal Abidin di Istana Badariah.

Tengah hari ini pula, Dr Mahathir akan menunaikan sembahyang Jumaat bersama jemaah lain di Masjid Negeri di sini.

Selepas itu, Perdana Menteri akan menghadiri makan tengah hari bersama para pemimpin masyarakat dan ketua-ketua jabatan kerajaan di kediaman rasmi Menteri Besar Terengganu, Seri Iman.

Dr Mahathir dijangka berlepas untuk meneruskan lawatan ke Kuantan pada kira-kira pukul 3.30 petang. -- BERNAMA

sbj WAT